


BAB 7 : EKONOMI MALAYSIA

SPM2004/A/S4

- b) Mengapakah kerajaan membuat pinjaman dalam negeri dan pinjaman luar negara? [6 markah]
- c) Terangkan **tiga** jenis pinjaman dari sumber dalam negeri. [6 markah]

SPM2005/A/S5

- (a) Gambar 5 menunjukkan sebahagian daripada kegiatan suatu sektor dalam struktur ekonomi negara.



Gambar 5

Terangkan masalah yang akan dihadapi oleh ekonomi negara jika hanya bergantung kepada sektor itu. [7 markah]

- (b) Terangkan **lima** jenis cukai tidak langsung. [10 markah]

SPM2006/A/S4

- (b) Jadual 3 menunjukkan peratus sumbangan sektor ekonomi kepada guna tenaga Malaysia dari tahun 1960 hingga tahun 2000.

Peratus Sumbangan Sektor Ekonomi kepada Guna Tenaga Malaysia					
Sektor / Tahun	1960	1970	1980	1990	2000
Sektor utama	61.3	53.1	38.5	28.4	15.6
Sektor kedua	9.8	15.4	20.1	25.9	35.7
Sektor ketiga	28.9	31.5	39.5	45.7	48.7

Jadual 3

Terangkan **lima** kesan daripada perubahan tersebut. [10 markah]

(c) Jadual 4 menunjukkan dua sumber pinjaman kerajaan:


Sumber X	Sumber Y
Bil Perbendaharaan	Pinjaman Projek
Surat Jaminan Kerajaan	Kredit Pembekal
Sijil Pelaburan	Pinjaman Pasaran

Jadual 4


Terangkan **tiga** kelebihan pinjaman kerajaan dari **Sumber X**. [6 markah]

SPM2006/A/S5

(a) Gambar rajah 3 dan Gambar rajah 4 menunjukkan dua contoh barang yang terdapat dalam pasaran tempatan.



Gambar rajah 3



Gambar rajah 4

Terangkan cukai yang boleh dikenakan ke atas barang pada:

- (i) Gambar rajah 3. [4 markah]
- (ii) Gambar rajah 4. [4 markah]

SPM2007/A/S4

(c) Jadual 3 menunjukkan anggaran perbelanjaan kerajaan bagi tahun 2007.

Perbelanjaan	Jumlah (RM juta)
Emolumen	19 730.00
Bayaran khidmat hutang	8 880.00
Perkhidmatan ekonomi	12 700.00
Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri	2 540.00
Perkhidmatan sosial	16 250.00
Keselamatan	3 100.00
Pencen dan ganjaran	4 410.00
Bekalan dan perkhidmatan	14 300.00
Pentadbiran am	3 090.00
Perbelanjaan lain	21 960.00
Jumlah	106 960.00

Jadual 3

- (i) Jelaskan maksud perbelanjaan pembangunan. [1 markah]
- (ii) Hitungkan perbelanjaan pembangunan. [5 markah]

(d) Gambar 5 menunjukkan perbualan tiga orang sahabat mengenai keadaan ekonomi semasa negara.



Gambar 5

Bagaimanakah kerajaan melalui belanjawan negara mengatasi masalah ketidakstabilan ekonomi tersebut melalui:

- (i) Kadar cukai. [4 markah]
- (ii) Perbelanjaan negara. [3 markah]

SPM2008/A/S5

(a) Maklumat berikut berkaitan dengan jumlah hasil dan perbelanjaan kerajaan pada suatu tahun.

Jumlah Hasil	= RM106 304 juta
Perbelanjaan Mengurus	= RM97 744 juta
Perbelanjaan Pembangunan	= RM27 284 juta

- (i) Tafsirkan kedudukan kewangan kerajaan. [3 markah]
- (ii) Bagaimanakah kerajaan mengatasi keadaan di 5(a) (i)? [1 markah]
- (iii) Mengapakah kerajaan perlu berbuat demikian? [5 markah]